

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2004/2005

Mac 2005

**JIB 002 – BIOLOGI II**

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab LIMA soalan.

Setiap jawapan mesti dijawab di dalam buku jawapan yang disediakan.

Setiap soalan bernilai 20 markah dan markah subsoalan yang diperlihatkan dipenghujung subsoalan itu.

1. Haiwan multisel daripada filum Coelenterata mempunyai dua jenis struktur jasad iaitu polip dan medusa. Dengan bantuan gambar rajah berlabel, nyatakan ciri-ciri dan perbezaan kedua-dua struktur jasad tersebut.

(20 markah)

2. (a) Terangkan ciri-ciri filum Echinodermata.

(15 markah)

- (b) Namakan kelas-kelas yang terdapat di dalam filum Echinodermata dan sertakan satu contoh untuk setiap kelas.

(5 markah)

3. Takrifkan istilah berikut serta berikan contoh haiwan yang sesuai :

- |                 |                |
|-----------------|----------------|
| (a) Nematosis   | (d) Skizogoni  |
| (b) Mesoglea    | (e) Parapodium |
| (c) Hermafrodit |                |

(20 markah)

4. Dengan bantuan gambar rajah, terangkan tentang kitar hidup *Plasmodium* yang menyebabkan penyakit malaria pada manusia

(20 markah)

5. (a) Senaraikan tiga kelas cacing daripada filum Annelida dan berikan satu contoh dengan nama saintifiknya bagi setiap kelas.

(6 markah)

- (b) Huraikan perbezaan yang nyata antara tiga kelas di atas.

(14 markah)

6. Bandingkan tumbuhan filum Bryophyta dan filum Pteridophyta dari aspek

- (i) struktur jasad
- (ii) habitat
- (iii) pembiakan

(20 markah)